

# Belajar mengurus kewangan, inventori

← Dari V35

Prof Wahid berkata, UTM juga memberikan khidmat nasihat dan bimbingan kepada mahasiswa bagi membantu mereka menjalankan perniagaan.

Beliau berkata, pihak universiti turut menyediakan inkubator keusahawanan mahasiswa di Student Mall untuk mereka menjalankan aktiviti perniagaan secara rutin dan konsisten.

Terdapat 10 ruang niaga disediakan di Student Mall untuk mahasiswa yang berminat dan komited untuk mengusahakan sesuatu produk atau perkhidmatan.

Antaranya seperti MyCampus Car Rental (perkhidmatan kereta sewa); E-Ticket (tempahan tiket bas ekspres dan sewa bas); kedai percetakan; sewaan basikal; membaik pulih telefon pintar dan dobi.

Beliau berkata, konsep keusahawanan yang ditekankan oleh UTM bukan semata-mata melahirkan usahawan, tetapi menjadikan mahasiswa yang mempunyai

minda usahawan melalui cetusan idea dan inovasi.

"Menerusi pelbagai inisiatif yang diusahakan selama ini, jelas membuktikan usahawan mahasiswa dapat membantu diri segi menjana dan menambah pendapatan.

"Selain itu, inisiatif berkenaan turut mengajar mereka mengenai kaedah pengurusan kewangan termasuk dari aspek pengurusan inventori bagi memastikan tidak membuat perbelanjaan atas faktor tidak perlu," katanya.

## Mencipta pekerjaan

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Leftenan Jeneral Datuk Abdul Halim Jalal, berkata konsep keusahawanan dapat membantu mahasiswa mencari pendapatan sendiri memandangkan ia dijalankan secara tunai dan runcit serta menggunakan modal yang minimum.

"Konsep menggalakkan pelajar berniaga secara tidak langsung adalah pendidikan berterusan yang dapat membina keyakinan dan kepercayaan

kepimpinan diri pelajar.

"Konsep ini dapat membentuk pelajar dengan minda untuk 'menjana pekerjaan' berbanding 'mencari pekerjaan,'" katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, mahasiswa perlu menyeimbangkan pembelajaran dan perniagaan di samping menguruskan masa dengan bijak.

"Saya percaya mahasiswa UPNM mampu menjadi pelajar yang cemerlang dan usahawan yang berjaya kelak," katanya.

Beliau berkata, universiti ada menyediakan tempat untuk berniaga pada bulan Ramadan dan terbuka kepada pelajar atau kakitangan universiti.

Katanya, mahasiswa yang berminat boleh memohon melalui Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Inovasi UPNM dan akan mendapat potongan harga bagi sewaan tapak perniagaan.

## Komitmen tinggi

Pengetua Kolej Kediaman Raja Dr Nazrin Shah, Universiti Malaysia (UM), Prof

Madya Dr Nahrizul Adib Kadri, berkata objektif utama bakal graduan di universiti adalah mempersiapkan diri mereka dari pelbagai aspek bagi memenuhi keperluan pasaran kerja.

Beliau berkata, inisiatif untuk berniaga ketika Ramadan boleh diambil kira sebagai satu daripada usaha ke arah mencapai objektif berkenaan dalam konteks yang lebih luas.

"Secara langsung, perniagaan memerlukan komitmen masa dan minat yang amat tinggi dan jika ini mencuri tumpuan mahasiswa dari tanggungjawab hakiki mereka, maka saya tidak menggalakkan menceburi bidang perniagaan sebagai matlamat utama seseorang mahasiswa.

"Bulan Ramadan tahun ini sama tarikh pada musim peperiksaan akhir semester dan mereka harus menguruskan masa dengan baik selain mengimbangi antara perniagaan dan pembelajaran," katanya.



Dr Nahrizul Adib



Prof Wahid



Abdul Halim